

Semangat rebut peluang semakin hilang — PM

UM 2 1 JUN 2002

KUALA LUMPUR 20 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan ingin mengetahui sebab orang Melayu memberikan sambutan hangat-hangat tahi ayam terhadap pelaksanaan tindakan afirmatif seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Perdana Menteri berkata, orang Melayu pada awal DEB menunjukkan semangat merebut peluang yang diberikan dalam bidang pendidikan dan ekonomi tetapi kemudiannya semakin hilang.

“Dalam separuh pertama

pelaksanaan DEB perkembangan (orang Melayu) kelihatan hebat tetapi ia kemudiannya menjadi perlahan, kita mahu tahu kenapa.

Dr. Mahathir yang juga Presiden UMNO berkata demikian ketika menyampaikan ucapan sebelum melancarkan buku *DEB: Pertumbuhan, Negara dan Pencapaian Ekonomi Orang Melayu* di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

Buku karangan Dr. Just Faaland, Profesor Dr. Jack Parkinson dan Dr. Rais

Saniman itu meninjau dan merumuskan pencapaian orang Melayu 12 tahun selepas pelaksanaan DEB pada tahun 1970.

Menurut Perdana Menteri, beliau mempunyai teori sendiri mengenai sikap orang Melayu iaitu mereka selesa berikutan status bumiputera mereka.

“Orang Melayu ber-sungguh-sungguh pada mulanya, tetapi kemudian menganggap peluang-peluang itu sebagai hak mereka, jadi pertumbuhan dengan sendirinya menjadi perlahan,” katanya.

Dr. Mahathir bagaimanapun berkata, kerajaan akan tetap meneruskan tindakan afirmatif seperti DEB walaupun “saya sendiri tidak pasti sama ada ia akan berjaya.”

Menurutnya, kerajaan sedar bahawa sasaran yang ditetapkan oleh DEB bagi mengagihkan sekurang-kurangnya 30 peratus kekayaan negara kepada kaum Melayu gagal dicapai.

“Kita tidak dapat mencapai sasaran DEB, (kerana) kekayaan yang dimiliki Melayu (pada akhir DEB) hanya 19 peratus.